

10 SEP 1998

Silat - Mahathir

BADAN PERSILATAN MELAYU SOKONG PM

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), hari ini menyeru kira-kira 3 juta anggotanya yang mewakili persilatan Melayu di seluruh negara bersatu dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata, Pesaka akan menyokong segala keputusan dan tindakan Dr Mahathir bagi memulihkan ekonomi, kestabilan politik dan keharmonian kaum di negara ini.

Keputusan menyokong kepimpinan negara itu diputuskan sebulat suara pada mesyuarat khas Dewan Pengurusan dan Exco Tertinggi Pesaka di Shah Alam hari ini.

"Rakyat dan anggota silat gabungan Pesaka diharap tidak cepat melatah dengan dakyah yang boleh menggugat perpaduan kaum dan keamanan negara, yang dibina sejak 41 tahun lalu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pesaka juga meminta ibu bapa berwaspada dengan kegiatan dan pergerakan anak-anak mereka di pusat-pusat pengajian tinggi, yang menjadi sasaran pihak tertentu untuk menggugat keamanan negara.

Muhammad, yang juga Naib Presiden Umno, berkata pelajar perlu berhati-hati dan tidak mudah dipergunakan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, yang sanggup menggadaikan negara demi kepentingan sendiri, katanya.

Pesaka, turut mempersoalkan matlamat dan agenda gerakan reformasi dilaungkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sepatutnya melaksanakan gerakan itu ketika memegang jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan dan parti, katanya.

"Gerakan reformasi bagi mendaulatkan bangsa sebenarnya telah dilaksanakan sejak tahun 1946, ketika Umno ditubuhkan dengan meliputi semua aspek termasuk pendidikan, ekonomi, budaya, sains dan teknologi dan agama,"